

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[CONTEMPORARY IJTIHAD APPROACH IN CURRENT ISSUES IN MALAYSIA]

PENDEKATAN IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM ISU SEMASA DI MALAYSIA

MUHAMMAD IKHLAS ROSELE ^{1*}

MOHD FARHAN MD ARIFFIN ²

MOHD ANUAR RAMLI ³

MOHAMAD ZAIM ISAMAIL ⁴

¹ Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, Malaysia

² Jabatan Al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, Malaysia

³ Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, Malaysia

⁴ Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: ikhlas.rosele@yahoo.com

Received Date: 7 April 2016 • Accepted Date: 28 July 2016

Abstract

Advancement in science and technology today has evoked many issues that need legal solution immediately. Determination of the law towards this issue requires a comprehensive ijthad (opinion) approach that is comprehensive, according to the present context to ensure the benefit of humankind besides meeting urgent needs. This article intends to analyze best ijthad approach that can be applied in analyzing a few current issues. This is to prove that contemporary ijthad needs to be done in determining the current Islamic laws. Among the issues discussed is on the of alcohol level in food, agricultural sources which is subjected to zakat (tithe), the medical method of stem cell xenotransplantation and tawarruq (reverse Murabahah) in cash financing. This bibliography-form of study used qualitative approach in scrutinizing the classical and contemporary views of the ulama (Islamic scholars) to formulate the importance of developing contemporary ijthad in determining the current Islamic laws. Results of the study discovers that most of the current issues which arises today, have no direct legal clarification whether in the quotation of the Qur'an and the Sunnah and are not addressed in past book of fiqh (Islamic jurisprudence). Based on this statement, the contemporary ijthad approach becomes a key requirement in providing the legal answers for the current issues that arise especially in the reality context of Malaysia.

Keywords; Ijthad; new form of ijthad; contemporary fiqh; masalah

Abstrak

Kemajuan sains dan teknologi pada hari ini telah menimbulkan banyak isu yang berhajat kepada penyelesaian hukum dengan segera. Penentuan hukum terhadap isu ini memerlukan pendekatan ijtihad yang komprehensif sesuai dengan konteks semasa bagi menjamin kemaslahatan manusia di samping memenuhi keperluan yang mendesak. Artikel ini bertujuan menganalisis pendekatan ijtihad terbaik yang dapat diaplikasikan dalam menganalisis beberapa isu-isu semasa. Ini bagi membuktikan bahawa ijtihad kontemporari perlu dilakukan dalam penentuan hukum Islam semasa. Antara isu yang dibincangkan adalah kadar alkohol dalam makanan, sumber-sumber pertanian yang perlu dizakatkan, kaedah perubatan *stem cell xenotransplantation* dan *tawarruq* dalam pembiayaan tunai. Kajian berbentuk kepustakaan ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam meneliti pandangan-pandangan ulama klasik dan kontemporari bagi merumuskan kepentingan membangunkan ijtihad kontemporari dalam penentuan hukum Islam semasa. Hasil kajian mendapati kebanyakan isu semasa yang timbul masa kini, tiada penjelasan hukum secara langsung sama ada di dalam nas al-Qur'an dan al-Sunnah serta tidak dibincangkan dalam kitab fiqh silam. Bertitik tolak daripada kenyataan ini, pendekatan ijtihad kontemporari menjadi satu keperluan penting dalam memberikan jawapan hukum terhadap isu-isu semasa yang timbul terutamanya dalam konteks realiti Malaysia.

Kata kunci: Ijtihad, ijtihad baru, fiqh semasa, al-maslahah.

Cite as: Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Farhan Md Ariffin, Mohd Anuar Ramli, & Mohamad Zaim Isamail 2016. Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13(1): 45-57.

PENDAHULUAN

Perkembangan keilmuan, sains dan teknologi, perubahan sosial, ekonomi dan politik telah mempengaruhi banyak aspek kehidupan masyarakat contohnya dalam aspek jual beli, perubatan dan farmaseutikal, politik dan selainnya. Disebabkan kemajuan tersebut telah banyak menimbulkan isu-isu yang memerlukan jawapan hukum. Isu-isu tersebut tidak ada penjelasan dan jawapannya secara langsung di dalam al-Quran dan al-hadith bahkan tidak diperbincangkan oleh ulama' silam. Oleh itu pengaplikasian instrumen ijtihad menjadi suatu keperluan untuk menyediakan jawapan hukum bagi isu semasa yang timbul serta membebaskan masyarakat Islam dari belenggu persoalan.

Sememangnya diakui bahawa proses ijtihad telah wujud sejak zaman Rasulullah lagi (Ahmad Thalbi 1981). Ijtihad dilakukan oleh Rasulullah s.a.w (Ngainun Naim 2006; al-Syawkani 2003; al-Asyqar 1982), para sahabat (al-Sabuni & Khalifah 1982), tabi'in dan generasi seterusnya (Syufa'at 2005). Walau bagaimanapun ijtihad mengalami kemunduran apabila berlakunya era taqlid, dimana pintu ijtihad ditutup pada akhir kurun ke-3 hijrah. Hal ini kerana wujudnya anggapan bahawa seluruh permasalahan hukum telah diselesaikan dan dibahaskan oleh fuqaha sehingga tiada keperluan untuk melakukan ijtihad lagi (Saifuddin Mujtaba, 2010). Oleh itu, penentuan hukum terhadap yang telah diputuskan hingga zaman imam-imam fiqh (iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad) (al-Khatib 1984).

Namun apabila dilakukan penilaian semula, pada zaman kini tidak wajar hanya berpegang kepada prinsip bertaqlid semata-mata ini adalah kerana hukum yang telah dibina berlandaskan akal dan teori (ijtihad) adalah tidak bersifat ma'sum, atas dasar inilah setiap mujtahid pada setiap zaman perlu diberi peluang untuk melakukan ijtihad dalam setiap perkara, termasuk perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mujtahid terdahulu (Rahimin Affandi 1993).

Oleh kerana perkembangan dunia globalisasi dan kemajuan sains dan teknologi menimbulkan banyak isu dan persoalan hukum, telah menyebabkan keperluan untuk melakukan ijtihad oleh intelektual semasa. Ijtihad dalam rangka kontemporari juga perlu dirangka untuk menyesuaikan dengan zaman dan tempat. Tambahan pula wujudnya pelbagai lapangan baharu seperti sains, perubatan dan farmaseutikal, pemakanan, politik dan pentadbiran serta ekonomi dan perbankan yang memerlukan nilai tambah dalam amalan ijtihad pada hari ini. Oleh itu, kajian telah dilakukan untuk mengemukakan pendekatan ijtihad kontemporari dalam isu semasa di Malaysia. Dengan berasaskan data-data kepustakaan analisis dilakukan secara deskriptif dan komparatif untuk menjelaskan pendekatan ijtihad kontemporari dan keperluannya untuk diaplikasikan dalam isu semasa di Malaysia. Beberapa isu telah dipilih dari pelbagai lapangan untuk dianalisis bagi menjelaskan keperluan ijtihad kontemporari dalam kajian ini.

KONSEP IJTIHAD

Ijtihad dari sudut terminologi berasal dari perkataan Arab iaitu (اجتهاد) "Ijtihad" yang merupakan masdar daripada "ijtahada" (اجتهد) (al-Ghalayini 1986), manakala kata asalnya (akar) adalah daripada (جهد) "ja-ha-da" yang membawa maksud bersungguh-sungguh, dan mengeluarkan daya usaha untuk mencapai tujuan (Ahmad Mokhtar 2008). Ibn Manzur (t.t.) menyatakan bahawa "jahada" dan "ijtahada" kedua-duanya membawa maksud bersungguh-sungguh.

Kata akar ijtihad seperti mana yang telah disebut adalah "ja-ha-da" yang juga merupakan kata akar bagi jihad (al-jihad), oleh kerana itu al-Qaradawi menyatakan bahawa kedua-dua perkataan itu saling lengkap melengkapi. Ini adalah kerana ijtihad ialah usaha bertujuan mengenal petunjuk dan agama Allah yang dibawa oleh utusan-Nya (Nabi Muhammad s.a.w), sedangkan jihad bermatlamat menjaga agama Allah dan mempertahankannya. Al-Qaradawi menyatakan lagi bahawa ijtihad adalah satu bentuk jihad ilmiah manakala jihad adalah ijtihad dalam bentuk tingkah laku (al-Qaradawi 1996).

Ijtihad dari sudut epistemologi bermaksud: "Mengerahkan usaha untuk melepaskan daripada keraguan dan mencapai ke tahap ghalabat al-zann dan keatas (Qal'aji, Qunaybi & Sanu 1996)". manakala ijtihad dari sudut istilah fiqh atau epistemologi fiqh pula membawa maksud: "mengerah usaha dan kesungguhan untuk mencari hukum syara' yang berbentuk praktikal dengan melakukan proses istinbat (al-Zarkasyi 1992)".

IJTIHAD KONTEMPORARI

Ijtihad kontemporari atau dalam istilah lain dapat disebut sebagai ijtihad baru atau moden sering menjadi perbincangan di kalangan intelektual Islam pada hari ini. Ini kerana perkembangan dan kemajuan dunia hari ini dari sudut sains dan teknologi, sosio-budaya dan ketamadunan

masyarakat, jaringan perhubungan antarabangsa dan lain-lain semakin pesat. Ijtihad telah menjadi satu alat utama dalam menyelesaikan permasalahan hukum masyarakat yang timbul kerana perubahan zaman pada hari ini. Oleh kerana itu para intelektual Islam telah mencanangkan ijtihad dalam konteks semasa perlu ditekankan sehingga mewujudkan istilah ijtihad baru (kontemporari).

Ijtihad kontemporari dalam Bahasa Arab disebut al-ijtihad al-mu'asir yang bermaksud ijtihad pada zaman sekarang. Al-Mu'asir boleh diertikan sebagai kontemporari ataupun baru (Doniach 1972), ini kerana maksud al-mu'asir adalah hidup (wujud) semasa atau sezaman (Osman Khalid, et. al 2006). Atas dasar inilah ijtihad kontemporari dapat diistilahkan sebagai suatu proses ijtihad yang mengambil kira konteks semasa dan setempat yang tertakluk kepada sebarang perubahan dan kemajuan zaman tersebut.

PENDEKATAN IJTIHAD KONTEMPORARI

Dalam proses memperkasakan ijtihad dalam kerangka ijtihad kontemporari beberapa perkara perlu diambil berat terutamanya perkembangan sains dan teknologi dan perubahan sosio budaya sesuatu masyarakat. Al-Qaradawi menyatakan terdapat tiga jenis pembahagian ijtihad yang boleh diaplikasikan pada zaman moden ini iaitu ijtihad intiqā'i, ijtihad insyā'i, dan gabungan antara ijtihad intiqā'i dan ijtihad insyā'i.

Ijtihad intiqā'i ialah satu bentuk ijtihad yang memilih salah satu pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dalam warisan fiqh dalam menentukan hukum, ia merupakan satu bentuk pentarjihan (pemilihan) kepada pendapat-pendapat yang telah diutarakan. Ijtihad dalam bentuk ini adalah mempertimbangkan antara pendapat-pendapat hukum yang wujud dalam sesuatu isu, melakukan pentarjihan dengan bersandarkan dalil-dalil nassiyah (al-Quran dan al-Sunnah) dan ijthadiyyah untuk memilih pendapat yang mempunyai hujah dan dalil yang kuat dan selaras dengan piawaian pentarjihan. Antara piawaian dalam melakukan pentarjihan adalah (al-Qaradawi 1996);

Hendaklah pendapat tersebut dipilih bersesuaian dengan kehidupan orang yang pada zaman sekarang.

Mendatangkan kesenangan kepada manusia. Sesuai dengan prinsip memudahkan.

Mengutamakan maqasid al-syari'ah dan masalah serta menjauhkan mafsadah ke atas manusia.

Ijtihad insyā'i pula ialah ijtihad untuk menetapkan hukum baru kepada sesuatu masalah yang tidak pernah diperbincangkan oleh ulama' yang terdahulu, tidak kira masalah tersebut adalah masalah baru ataupun masalah yang lama (al-Qaradawi 1996). Namun hakikatnya ijtihad ini berlaku dalam menyelesaikan masalah-masalah yang baru yang tidak disentuh secara lansung oleh ulama'-ulama' silam.

Ijtihad dalam bentuk ketiga adalah menggabungkan antara ijtihad intiqā'i dan ijtihad insyā'i. Ia adalah satu bentuk ijtihad yang memilih pendapat yang dilihat lebih sesuai dan lebih rajih dan diperkukuhkan dengan unsur-unsur ijtihad moden (al-Qaradawi 1996).

Selain itu al-Qaradawi (1996) menyatakan bahawa terdapat tiga lapangan ijtihad yang boleh dilakukan pada zaman sekarang iaitu:

- i. Dalam lapangan perundangan (الإجتهد في صورة التقنين)
- ii. Dalam lapangan fatwa (الإجتهد في صورة الفتوى)
 - a. Fatwa Rasmi (yang diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa, seperti Dar al-Ifta', Riyasah al-Ifta' bi al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah dan selainnya) (di Malaysia seperti e.fatwa)
 - b. Fatwa dalam majalah islam (seperti al-manar, majalah al-islam, dan sebagainya) di mana orang akan bertanyakan fatwa dan jawapannya dikemukakan dalam majalah. (di Malaysia seperti Q&A, Tanyalah Ustaz dan sebagainya)
 - c. Fatwa ulama-ulama terkemuka, yang mana mereka bebas mengeluarkan fatwa samada dalam akhbar ataupun buku-buku.
 - d. Fatwa-fatwa dari organisasi ataupun pertubuhan (seperti Majma' al-Buhuth al-Islamiyah, Majma' al-Fiqh al-Islami dan sebagainya)
 - e. Dalam lapangan kajian ataupun pembelajaran (الإجتهد في صورة الدراسة أو البحث) (ianya merangkumi karya-karya penulisan ulama, hasil kajian persidangan, disertasi atau tesis, dan sebagainya)

Kesemua bentuk dan lapangan ijthad tersebut dilihat dapat diaplikasikan di Malaysia kerana secara asasnya badan-badan fatwa dan penyelidikan di universiti sememangnya telah wujud di Malaysia. Apa yang perlu adalah inisiatif untuk melakukan ijthad perlu diterapkan.

Di samping itu dalam merealisasikan ijthad kontemporari terdapat lima titik tolak yang perlu diberi perhatian sebagaimana yang dirumuskan Wahbah al-Zuhaili (2003), iaitu:

- i. Untuk menjaga keberkekalan syari'at Islamiyyah dan keanjalannya supaya sesuai untuk setiap zaman dan tempat.
- ii. Untuk meraikan hajat dan masalah.
- iii. Untuk menghilangkan kesempatan kepada undang-undang ciptaan manusia semasa.
- iv. Untuk menyelaraskan antara nas dengan masalah.
- v. Meraikan keadaan masa kini.

Selain itu beberapa garis panduan untuk berjithad dalam kerangka zaman kontemporari perlu dititik beratkan, garis panduan tersebut ialah (al-Qaradawi 1996):

- i. Tidak ada ijthad tanpa kerahan tenaga/usaha. Ini adalah kerana ulama telah jelas dalam mendefinisikan ijthad adalah mengeluarkan usaha untuk mengistinbatkan hukum.
- ii. Tidak ada tempat untuk berjithad dalam persoalan qat'iyyah (yang mempunyai dalil yang qat'i). Lapangan ijthad adalah dalam hukum-hukum yang mempunyai dalil yang zanni.
- iii. Tidak harus (dengan ijthad) menjadikan perkara yang zanni kepada qat'i.
- iv. Menghubungkan antara fiqh dan hadis.
- v. Berwaspada daripada membebaskan.
- vi. Meraikan perkara baru yang memberi manfaat.
- vii. Tidak mengabaikan ruh (semangat) zaman dan keperluannya.

- viii. Bepindah kepada ijtihad jama'i. Yang mana para ilmuwan saling bermesyuarat atas sesuatu masalah yang timbul.
- ix. Hendaklah melapangkan dada atas kesilapan mujtahid. Tidak ada yang maksum selain daripada para Nabi. Tidak harus untuk mengikat diri dengan tidak menerima kesalahan para mujtahid.

Sebagai persiapan untuk mewujudkan formula ijtihad kontemporari 11 perkara perlu dipertimbangkan. Pertimbangan ini adalah demi mewujudkan ijtihad yang konsisten dan mampu memelihara keberkekalan syariat. Perkara tersebut adalah (Hadi Mutamam):

- i. Lebih mementingkan atau mendahulukan sumber primer dalam sistem bermazhab atau dalam menentukan rujukan
- ii. Berani mengkaji pemikiran ulama atau hasil keputusan hukum Islam oleh organisasi keagamaan tidak lagi secara doktriner dan dogmatis. Namun dengan critical study.
- iii. Semua hasil karya ulama masa lalu diposisikan sebagai pengetahuan, baik yang dihasilkan atas dasar deduktif dan verstehen maupun yang dihasilkan secara empiric.
- iv. Mempunyai sikap terbuka terhadap dunia luar dan bersedia mengantisipasi terhadap hal-hal yang akan terjadi.
- v. Hendaknya meningkatkan daya tangkap (responsive) dan cepat terhadap permasalahan yang muncul, dimana biasanya umat ingin cepat mendapatkan jawaban hukum agama dari para ahli hukum Islam.
- vi. Penafsiran yang aktif dan proaktif, bahkan progresif dalam jawaban hukum Islam.
- vii. Ajaran al-Ahkam al-Khamsah (haram, makruh, mubah, sunat, wajib) agar dapat dijadikan sebagai konsep atau ajaran etika sosial.
- viii. Menjadikan ilmu fiqh sebagai sebahagian dari ilmu hukum secara umum.
- ix. Berbicara mengenai fiqh tidak dapat dilupakan harus pula berorientasi pada kajian induktif atau empirik disamping induktif.
- x. Mashalih „ammah hendaknya menjadi landasan penting dalam mewujudkan fiqh atau hukum Islam.
- xi. Menjadikan wahyu Allah sebagai control terhadap hal-hal yang akan dihasilkan dalam ijtihad.

Keperluan kepada ijtihad sentiasa berterusan selagi mana wujudnya peristiwa dan kejadian baru yang berlaku. Keperluan kepada ijtihad juga disebabkan keadaan masyarakat yang sentiasa berubah dan berkembang dan selagi mana syariat Islam masih sesuai pada setiap masa dan tempat. Terutamanya pada zaman moden ini, ijtihad lebih diperlukan lagi jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya, karena perubahan yang berlaku dalam era globalisasi, serta kemajuan sains dan teknologi yang telah mempengaruhi kehidupan masyarakat (Nurnaningsih Nawawi 2013). Antara bidang yang mendatangkan perubahan yang besar terhadap keperluan ijtihad pada hari ini, iaitu bidang ekonomi dan kehartaan dan bidang sains dan perubatan (al-Qaradawi 1996).

ISU-ISU SEMASA DAN IJTIHAD

Isu-isu semasa terpilih yang dinyatakan di atas bertujuan menjelaskan betapa perlunya ijtihad dalam rangka semasa dilakukan terutamanya di Malaysia. Tidak dinafikan dengan perkembangan zaman pada hari ini telah mengundang pelbagai isu-isu yang memerlukan jawapan hukum. Antara isu-isu semasa yang timbul adalah seperti makanan ubahsuai genetik (*Genetically Modified Food*), penggunaan genetik dan tisu babi dalam makanan mahupun ubatan, pendermaan rahim, pendermaan jasad untuk penyelidikan, isu zakat institusi atau syarikat, kontrak perbankan yang berunsur helah ribawi, alkohol dalam makanan dan sebagainya. Isu-isu ini telah mengundang keperluan ijtihad untuk menyediakan jawapan hukum yang tepat. Kajian ini cuba membawa beberapa contoh isu semasa berasaskan realiti di Malaysia untuk membuktikan keperluan ijtihad baru pada hari ini.

KADAR ALKOHOL DALAM MAKANAN

Aspek halal dan haram menjadi fokus utama perbincangan fiqh di Malaysia, terutamanya yang melibatkan makanan dan minuman, antara isu yang diketengahkan adalah kadar alkohol dalam makanan. Merujuk kepada keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFMKBHEUIM) telah memutuskan:

- i. Minuman ringan yang diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1% v/v adalah harus (boleh) diminum.
- ii. Makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.

Keputusan fatwa ini tidak dapat dinafikan adalah daripada hasil ijtihad yang dilakukan. Namun keputusan ini mendapat pertikaian beberapa penyelidik. Sebagai contoh di dalam artikel “Penentuan Piawai Alkohol Dalam Makanan Yang Dibenarkan Dari Perspektif Islam” menyatakan bahawa penentuan kadar 0.5% atau maksimumnya 1% alkohol dalam makanan dan minuman adalah tidak praktikal atas dua alasan; pertama, kebanyakan makanan halal yang telah siap diproses pada hari ini kandungan etanol-nya melebihi daripada kadar yang telah ditetapkan. Kedua, kadar 1% peratus bukanlah ‘illah pengharaman sesuatu makanan beralkohol, ini kerana ‘illah pengharamannya adalah *al-iskar* iaitu memabukkan (Anisah & Muhammad Safiri, 2010).

SUMBER-SUMBER PERTANIAN YANG PERLU DIZAKATKAN

Malaysia merupakan negara yang subur yang kaya dengan hasil pertanian. Namun zakat pertanian hanya dikenakan kepada tanaman padi sahaja, sedangkan wujud tanaman lain seperti tebu, nanas, limau, salak, kelapa dan lain-lain. Bahkan, hasil tanaman selain padi (di Malaysia terutamanya) dilihat lebih membuahkan hasil dan mendatangkan kekayaan kepada pengusahanya (Asmak & Joni Tamkin 2005). Oleh itu adalah wajar untuk dilakukan ijtihad untuk menentukan tanaman selain padi di Malaysia adakah wajib dikenakan zakat pertanian.

Secara asasnya ulama-ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan jenis sumber-sumber pertanian yang wajib dikeluarkan zakat. Secara asasnya terdapat 4 perbezaan pendapat mengenai isu ini. Pendapat pertama merupakan pendapat Ibnu ‘Umar dan sebahagian ulama’ salaf (Ibn Qudamah 1992) di mana zakat pertanian yang diwajibkan hanya terbatas kepada empat hasil pertanian sahaja (gandum, barli, kurma dan kismis). Pendapat kedua pula ialah pendapat Imam Abu Hanifah (al-Mirghinani t.t.; Ibn al-Humam 2003) yang juga merupakan pendapat ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz, Mujahid, al-Nakha’I (Ibn al-Humam 2003) dan Hammad di mana semua yang dikeluarkan daripada bumi yang bertujuan untuk menyuburkan tanah (memperoleh hasil) wajib untuk dikenakan zakat padanya (al-Qaradawi 1994). Pendapat ketiga pula mensyaratkan bahawa hasil pertanian yang dikenakan zakat mestilah berbentuk makanan asasi yang boleh disimpan lama. Pendapat ini dikemukakan oleh Imam Malik dan Imam al-Syafi’ei (al-Syafi’ei 2002). Pendapat terakhir pula didokong oleh Imam Ahmad yang menyatakan hanya hasil pertanian yang boleh disukat, tahan lama dan boleh dikeringkan sahaja akan dikenakan zakat (Ibn Qudamah 1992).

Pandangan Imam Abu Hanifah dilihat relevan, ini kerana sumber kekayaan hasil bumi bukanlah terhad hanya kepada jenis-jenis tanaman tertentu sahaja. Di Malaysia perusahaan tanaman dan hasil pertanian juga berkembang pesat dan sewajarnya hasil tersebut juga perlu dikenakan zakat seperti tebu, nanas, limau dan sebagainya. Perkara ini juga secara langsung dapat meningkatkan hasil kutipan zakat pertanian di Malaysia dan dapat meningkatkan taraf ekonomi orang yang memerlukan serta melepaskan umat Islam dari kesusahan.

Nas-nas yang terdapat di dalam al-Quran yang menyatakan kewajipan zakat pertanian adalah bersifat umum dan tidak menentukan dan mengkhususkan jenis sumber pertanian yang wajib dizakatkan sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah 2 : 267, dan surah al-An’am 6 : 141. Begitu juga di dalam hadis Rasulullah s.a.w (al-Sarakhsi t.t.), sabda Baginda s.a.w :

“Pada apa-apa yang diairi (disirami) dengan air hujan, mata air atau air tanah (takungan) dikenakan (zakat) sebanyak 10% , sedangkan pada apa-apa yang diairi dengan tenaga dikenakan (zakat) sebanyak 5%”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Berasaskan pendapat inilah semua tanaman yang ditanam untuk memperoleh hasil perlulah dizakatkan termasuklah tumbuhan hijau seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak tahan lama dan cepat busuk. Ini adalah kerana zakat pertanian akan dikenakan pada setiap tumbuhan yang sudah menjadi, contohnya tumbuhan yang kering dizakatkan apabila ia sudah kering, dan tumbuhan yang basah dizakatkan apabila ia sudah masak (al-Qaradawi 1994). Zakat

daripada tumbuhan hijau diambil mengikut nilainya bukan fizikalnya oleh kerana tumbuhan hijau cepat rosak dan busuk (Abu 'Ubayd 1989; al-Qarasyi 1384H).

ISU KAEDAH PERUBATAN STEM CELL XENOTRANSPLANTATION

Isu perubatan juga telah mendapat tempat dalam perbincangan fiqh di Malaysia, banyak isu-isu perubatan telah diketengahkan untuk mendapatkan jawapan hukum antaranya adalah isu *stem cell xenotransplantation*. *Stem cell xenotransplantation* bermaksud memindahkan sel hidup atau *stem cell* daripada satu spesies kepada spesies yang lain, contohnya memindahkan sel babi kepada manusia (National Health and Medical Research Council 2003). Kaedah ini digunakan sebagai alternatif untuk merawat penyakit yang dialami oleh manusia. Antara contoh penyakit yang dipercayai boleh dirawat melalui kaedah *stem cell xenotransplantation* adalah penyakit sindrom down (Nurul Anuar 2007) dan diabetes¹. Kaedah ini juga dikatakan dapat membaiki semula tisu atau organ manusia yang rosak dengan mengambil *embryonic stem cell* daripada babi (Lovgren 2005).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang telah bersidang kali ke-87 bagi membincangkan isu ini memutuskan supaya kedudukan hukum terhadap isu ini ditangguhkan sehingga hasil kajian dan maklumat-maklumat terbaru diperakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (Hajah Wan Morsita, et. al. 2012).

Antara isu-isu perubatan yang masih memerlukan penjelasan dalam *Stem Cell Xenotransplantation* antaranya (Hajah Wan Morsita, et. al. 2012):

- i. Halangan sistem imun badan (penolakan) kerana wujudnya perbezaan sistem imun antara manusia dan haiwan.
- ii. Transmisi penyakit berjangkit.
- iii. Jangka hayat semula jadi yang berbeza antara dua spesies.
- iv. Perubahan kepada DNA manusia.
- v. Kualiti dan penghasilan produk yang tidak dapat ditentukan.

Walaupun begitu, kaedah ini merupakan satu keperluan dalam mengubati penyakit manusia antaranya seperti penyakit sindrom down. Oleh kerana itulah ijtihad dalam isu ini dengan mengambil kira kajian-kajian perubatan diperlukan sehingga dapat memberikan penyelesaian yang memuaskan.

¹ http://www.biotechlearn.org.nz/themes/xenotransplantation_and_organ_donation

ISU *TAWARRUQ* DALAM PEMBIAYAAN TUNAI

Kontrak *al-'inah* adalah antara kontrak pembiayaan tunai yang diamalkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, pengamalan kontrak ini merupakan satu polemik kerana isu hukum *al-'inah* yang masih diperbincangkan dan merupakan isu yang kontroversi (Shamsiah & Ameer Azeedy 2007). Pelanggan telah mula mempersoalkan kehalalan produk yang ditawarkan berasaskan kontrak *bay' al-'inah* yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan Islam dan penolakan terhadap praktik kontrak tersebut telah meningkat (Amir Shaharuddin 2013). Namun, pembiayaan peribadi menjadi suatu keperluan pada hari ini bahkan ia dapat mendatangkan masalah pada umat Islam. Oleh kerana itulah kebanyakan institusi perbankan Islam mula berpindah kepada kontrak alternatif iaitu kontrak *al-tawarruq* (Wan Jemizan 2010; Muhammad 'Ali 2012). Kontrak *tawarruq* (dalam pentakrifan klasik) suatu transaksi yang dilakukan dengan membeli suatu komoditi dengan harga yang tinggi, sama atau murah secara tangguh untuk dijual semula kepada orang lain sebagai pihak ketiga (bukan kepada penjual asal komoditi tersebut) untuk mendapatkan tunai (al-Bahuti, 2000).

Namun alternatif *tawarruq* yang diperkenalkan ini dikatakan masih tidak bertepatan dengan konsep *tawarruq* yang sebenar, ini kerana ia tidak selaras dengan kontrak *tawarruq* sebagaimana yang terdapat di dalam perbahasan fiqh. Dalam amalan *al-tawarruq* pada hari ini kontrak *al-tawarruq* yang sebenar tidak dapat dilaksanakan bahkan secara tidak langsung ia berpindah kepada kontrak *al-tawarruq al-munazzam* (al-Khathlan 2012) ataupun *muhallil al-riba* (Ibn al-Qayyim 2004). Walau bagaimanapun hukum *al-tawarruq al-munazzam* diperselisihkan oleh ulama kontemporari, kebanyakan mereka mengharamkannya kerana wujud unsur hilah ribawi dan serupa dengan kontrak *bay' al-'inah*, manakala sebahagian mereka pula membenarkannya kerana asasnya transaksi yang dilakukan adalah sah (Nasrun & Asmak 2014).

Terdapat beberapa fatwa yang telah memutuskan bahawa kontrak *al-tawarruq al-munazzam* adalah haram seperti yang diputuskan oleh Fatwa *Lajnah al-Da'imah, al-Ri'asah al-'Amah li al-Buhuth al-'Ilmiyah wa al-Ifta'* kerajaan Arab Saudi dan Majlis al-Ifta' kerajaan Jordan. Walau bagaimanapun dalam realiti Malaysia isu ini masih perlu diperbincangkan untuk mencari penyelesaian adakah *bay' al-'inah* masih wajar diaplikasikan ataupun menukarkannya kepada kontrak *al-tawarruq* dan wujudkah alternatif lain yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan pembiayaan peribadi di Malaysia. Oleh itu ijtihad dalam rangka semasa dilihat relevan dalam menyelesaikan isu-isu sebegini untuk menyelesaikan masalah, memenuhi keperluan manusia dan memberikan keyakinan kepada orang awam.

KESIMPULAN

Ijtihad pada masa kini sangat diperlukan oleh kerana kemajuan dari sudut sains dan teknologi, perubatan, farmaseutikal, pemakanan, perubahan sosial, tempat dan sebagainya. Namun perlu ditekankan bahawa ijtihad yang dilakukan perlulah dalam kerangka yang sesuai dengan zaman kontemporari iaitu sesuai dengan kehendak zaman tersebut. Sebagaimana yang berlaku di Malaysia, masih banyak isu semasa yang tidak dapat diselesaikan kerana masih kurangnya inisiatif dan pendekatan untuk melakukan ijtihad. Oleh itu, seruan terhadap ijtihad dalam isu semasa perlu diteruskan demi kemaslahatan umat Islam dan kelangsungan hukum Islam di

Malaysia.

Ijtihad kini tidak memerlukan seseorang itu memenuhi syarat ijtihad yang digariskan oleh ulama' silam. Bahkan syarat-syarat ijtihad telah dilonggarkan selain wujud beberapa alternatif ijtihad yang mungkin dapat dilakukan pada zaman kini, seperti ijtihad *jama'i* (kolektif) dan ijtihad *juz'i* (mengikut pengkhususan kepakaran seseorang ilmuwan). Instrumen baru untuk merealisasikan ijtihad juga perlu diaplikasikan seperti kajian sains, ilmu sosiologi dan antropologi, penggunaan teknologi dan sebagainya. Berasaskan itu, ijtihad kontemporari dapat dilaksanakan pada masa kini untuk menyelesaikan persoalan hukum umat Islam.

RUJUKAN

- Abu 'Ubayd, Al-Qasim bin Salam. (1989). Kitab al-Amwal. Beirut: Dar al-Syuruq
- Ahmad Mokhtar 'Umar. (2008). Mu'jam al-Lughat al-,Arabiyah al-Mu'asirah. Kaherah: 'Alim al- Kutub.
- Ahmad Thalbi. (1981). Tarikh al-Tasyri' al-Islami wa Tarikh al-Nizam al-Qada'iyah fi al-Islam. Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyah.
- Al-Asyqar, Umar Sulaiman. (1982). Tarikh al-Fiqh al-Islami. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- al-Bahuti, Mansur bin Yunus. (2000). Syarh Muntaha al-Iradat. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- al-Ghalayini, Mustafa. (1986). Jami' al-Durus al-'Arabiyah. Beirut : Mansyurat al-Maktabah al- 'Asriyah.
- Aliftaa. (t.t.). ,, Hukm al-Tawarruq al-Munazzam allazi Tajribah Ba'da al-Bunuk al-Islamiyyah,, diakses dari aliftaa.jo <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=174#.UteVLNIW0rM>
- al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyim. (2004). I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin. Kaherah: Dar al- Hadis.
- al-Khathlan, Sa'ad bin Turki. (2012). Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyah al-Mu'asirah. Riyadh; Dar al-Sami'i.
- al-Khatib, 'Abdul Karim. (1984). Sad Bab al-Ijtihad wama Tarattaba 'alaih. Beirut: Mu'assasah al- Risalah.
- al-Maqdisi, Ibn Qudamah. (1992). Al-Mughni. Kaherah: Hajar.
- al-Mirghinani, 'Ali bin Abu Bakr. (t.t.). Bidayat al-Mubtadi. Kaherah: Matba'ah al-Futuh. al-Qaradawi. (1994). Fiqh al-Zakat. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. (1996). Al-Ijtihad fi Syari'at al-Islamiyah. Kuwait : Dar al-Qalam.
- al-Qarasyi, Yahya bin Adam. (1384H). Kitab al-Kharaj. Kaherah : Al-Matba'ah As-Salafiyyah.
- al-Sabuni, Abdurrahman & Khalifah ba Bakr. (1982). Al-Madkhal al-Fiqhi wa Tarikh al-Tasyri' al- Islami. Kaherah : Dar al-Tawfiq al-Namuzajiyah.
- al-Sarakhsi, Syams al-Din. (t.t.). Al-Mabsut. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- al-Syafi'i. (2002). Al-Umm. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Syawkani, Muhammad 'Ali. (2003). Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilmi al-Usul. Damsiyq : Dar Ibn Kathir.
- al-Zarkasyi, Muhammad. (1992). Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh. al-Ghardaqah : Dar al-Sofwah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2003). Ijtihad Baru Fiqh: Titik Tolak & Aliran-Alirannya (al-Hasani, Basri Ibrahim, terj). Johor : PERNIAGAAN JAHABERSA.

- Amir Shaharuddin. (2013). , 'Is Bay' al-Tawarruq A Better Alternative?. dalam Muhammad Ridhwan Ahmad (ed.). Celebrating 30 Years of Islamic Banking And Financial Institutions In Malaysia 1983-2013. Nilai: Penerbit USIM
- Anisah Ab. Ghani & Muhammad Safiri Ismail (2010). , Penentuan Piawaian Alkohol Dalam Makanan Yang Dibenarkan Dari Perspektif Islam , Jurnal Fiqh, jilid 7. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmak Ab. Rahman & Joni Tamkin Borhan. (2005). , Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian di Selangor , dalam. Abdullah Alwi Hj. Hassan et al. (ed.). Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Biotechlearn.org. (t.t.). xenotransplantation and organ donation, diakses pada 1 Februari 2014, daripada http://www.biotechlearn.org.nz/themes/xenotransplantation_and_organ_donation
- Doniach, N. S. (ed.). (1972). The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage. London : Oxford University Press.
- Hadi Mutamam, H., , Ijtihad al-Ilmi al-, Ashri (Modern Scientific Ijtihad) , MAZAHIB IV, bil. 2. IAIN Samarinda.
- Hajah Wan Morsita Wan Sudin et.al (ed.). (2012). Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Mengenai Isu-Isu Sains dan Perubatan. Putrajaya: JAKIM.
- Ibn al-Humam. (2003). Fath al-Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Ibn Manzur. (t. t.). Lisan al-'Arab. Kaherah : Dar al-Ma'arif.
- Lajnah al-Da'imah. (t.t.). , Hukm al-Tawarruq al-Masrifi al-Munazzam , diakses dari alifta.net <http://www.alifta.net/Fatawa/fatawaDetails.aspx?languagename=ar&View=Page&PageID=10811&PageNo=1&BookID=2>
- Lovgren, S.. (2005). Pig Stem Cells to Be Used to Grow Human Organs, National Geographic News 15 Februari 2005 http://news.nationalgeographic.com/news/2005/02/0215_050215_transplant.html
- Mahmud bin Muhammad , Ali Mahmud. (2012). , Ikhtilaf Ara' al-Fuqaha' Haul al-Tatbiq Muntijat al- Tawarruq al-Munazzam wa Bai' al-'Inah wa al-Dayn fi al-Masarif al-Islamiyah , dalam Majallah al-Islam fi Asia, jilid 9, bil. 2.
- Nasrun Mohamad @ Ghazali & Asmak Ab Rahman (2014). , Analysis of Tawarruq-Based Financing: From Shariah Risk Management Perspective , dalam Asmak Ab Rahman, Wan Marhaini Wan Ahmad & Shamsiah Mohamad (ed.). Islamic Economics, Banking and Finance: Concept and Critical Issues. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- National Health and Medical Research Council. (2003). Animal-to-Human Transplantation Research: How Should Australia Proceed?, kertas yang disediakan oleh the Xenotransplantation Working Party, 2003.
- Ngainun Naim, M. H. I. (2006). Sejarah Pemikiran Hukum Islam. Surabaya : eLKAF.
- Nurnaningsih Nawawi. (2013). , Ijtihad di Era Globalisasi , dalam al-Risalah, jilid 13, bil.1, 195- 208.
- Nurul Anuar Kari. (6 Mac 2007). Xenotransplan Stem Cell Rawat Sindrom Down, Utusan Malaysia. Osman Khalid, et al. (eds.). (2006). Kamus Besar Arab-Melayu Diwan. Selangor : DAWAMA Sdn. Bhd.
- Qal'aji, M. R., Qunaibi, H. S. & Sanu, K. M. (1996). Mu'jam Lughat al-Fuqaha'. Beirut : Dar

al- Nafa'is.

Rahimin Affandi. (1993). „Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan,, dalam Jurnal Syariah, jilid1, bil. 2, h.153-162. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Saifuddin Mujtaba (2010). „Membuka Pintu Ijtihad,, dalam Jurnal Falasifa, jilid 1, bil. 1 Mac 2010, 87-97. Kencong: STAIFAS.

Shamsiah Mohamad & Ameer Azezy Tuan Abdullah (2007). „ Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Isu-Isu Muamalat di Malaysia,, dalam Jurnal Fiqh, jilid 4, 223-236. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Syufa'at. (2005). Hegemoni Politik dan Tertutupnya Pintu Ijtihad. *Ibda'*, jilid 3. Bil.1, 78-92.

Wan Jemizan W. Deraman. (2010).,, Inah dan Tawarruq ,, diakses daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0728&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm